

## MAKLUMAT PERTANDINGAN

- PERTANDINGAN** : Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti
- TARIKH PERTANDINGAN** : 1 April – 31 Julai 2019
- SYARAT PERTANDINGAN** :
1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) kecuali urusetia pertandingan yang menguruskannya;
  2. Artikel adalah bebas berdasarkan tema Inovasi & Integriti
  3. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan. Setiap penyertaan mestilah menggunakan borang penyertaan seperti di Lampiran A yang lengkap diisi dengan butiran peserta;
  4. Artikel yang ditulis mestilah hasil penulisan sendiri, asli dan belum pernah disiarkan di mana-mana penerbitan;
  5. Artikel hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu, tidak kurang 1,000 patah perkataan dan tidak melebihi 1,500 patah perkataan;
  6. Format artikel:
    - i. Ditaip di atas kertas A4 menggunakan perisian Microsoft Office- Word.
    - ii. Jenis aksara : Arial
    - iii. Saiz aksara : 12
    - iv. Langkauan baris : 1.5
    - v. Setiap helaian artikel perlu ditanda dengan watermark nama dan no. kad pengenalan peserta.
  7. Semua karya penyertaan adalah milik Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan JANM boleh menggunakannya, menyunting, dan menyiarkan dalam mana-mana penerbitan;
  8. Pemenang akan dihubungi oleh pihak urusetia bagi urusan penyampaian hadiah;
- PENGADILAN** :
1. Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kandungan, bahasa dan gaya persembahan oleh panel juri yang dilantik.
  2. Keputusan panel juri adalah muktamad.
- HADIAH** :
1. Seorang peserta hanya dibenarkan untuk memenangi satu hadiah sahaja.
  2. Peserta yang dipilih sebagai pemenang akan menerima sijil penyertaan beserta hadiah wang tunai seperti berikut :
- Tempat Pertama : RM300.00  
Tempat Kedua : RM200.00  
Tempat Ketiga : RM100.00